

 MDBG	MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.						
SYARAT – SYARAT PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN							
Syarat / MDBG / JP - 15	<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td>No. Telefon</td><td>05-3632020-3632030</td></tr> <tr> <td>No. Fax</td><td>05-3665930</td></tr> <tr> <td>E-mail</td><td>pelesenan@mdbg.gov.my</td></tr> </table>	No. Telefon	05-3632020-3632030	No. Fax	05-3665930	E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my
No. Telefon	05-3632020-3632030						
No. Fax	05-3665930						
E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my						

A. Lesen yang dikeluarkan tertakluk kepada Undang-Undang berikut yang berkaitan :-

- **Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MDBG) 2012**

1. Lesen ini hanya **sah** mulai tarikh bayar sehingga tarikh tamat yang dicetak pada lesen ini.
2. Lesen hendaklah **dipamerkan** pada setiap masa di dalam premis dan ditunjukkan sekiranya perlu berbuat demikian oleh Pegawai berkenaan daripada Majlis Daerah Batu Gajah.
3. Pegawai pelesen boleh **membatalkan** lesen ini pada bila-bila masa jika berlaku mana-mana pelanggaran syarat atau sekatan lesen ini.
4. **Waktu perniagaan** pusat kesihatan dan tempat mengurut hanya dibenarkan dari jam (10.00 pagi hingga 01.00 pagi sahaja).
5. Tidak dibenarkan menggunakan **pekerja asing** tanpa izin.
6. Tukang urut lelaki hanya dibenarkan mengurut lelaki sahaja.
7. Pemegang lesen hendaklah memastikan premis digunakan untuk **tujuan rawatan** mengurut memulihkan kesegaran **kesihatan sahaja**. Kegiatan menyalahgunakan premis seperti menyedia dan menawarkan perkhidmatan seks, pelacuran, perjudian, salah guna dadah atau apa-apa jenis kelakuan yang tidak senonoh dan tidak bermoral adalah dilarang sama sekali.
8. Tidak dibenarkan penyediaan makanan/minuman yang **memabukkan**.
9. Tidak dibenarkan mempamer/menayang apa-apa gambar/artikel yang kurang sopan.
10. Tidak dibenarkan apa-apa **hiburan** di dalam premis ini.
11. Pemegang lesen hendaklah mengadakan tempat rawatan dan mengurut secara **konsep terbuka** yang hanya menggunakan **langsir** atau **skrin** yang tidak melebihi ketinggian 2 meter dari lantai bagi memisahkan katil-katil yang digunakan untuk mengurut.
12. Tempat atau bilik dimana perkhidmatan mengurut diberikan hendaklah menggunakan pintu tanpa berkunci serta dipasang dengan satu perempat **cermin telus** di permukaan pintu.
13. Memastikan **pencahayaan (lighting)** dan **pengudaraan (ventilation)** yang terang dan mencukupi di dalam premis serta di setiap tangga laluan dan jalan keluar kecemasan.
14. Hendaklah menyediakan **rekod/daftar** yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, kelayakan, gambar dan lain-lain butiran **berkaitan pekerja**, tukang urut lelaki dan wanita.
15. **Pekerja** yang memberikan rawatan dan urutan perlu menjalani **pemeriksaan kesihatan** setiap 6 bulan sekali oleh seorang pegawai perubatan.
16. Bahan atau produk kecantikan yang digunakan perlulah mendapat pengesahan selamat dan diluluskan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
17. Pemegang lesen hendaklah menyediakan **pakaian seragam** tertentu kepada pekerja atau pengurutnya dan memastikan pekerja atau pengurutnya memakai pakaian seragam tersebut semasa menjalankan rawatan mengurut.
18. Pemegang lesen dilarang mengambil pengurut yang berumur di bawah 21 tahun dan mengambil pekerja di pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan di bawah umur 18 tahun.
19. Pemegang lesen lesen dilarang mengambil pekerja dan pengurut yang disyaki dengan munasabah menghidap **penyakit berjangkit**.

20. Pemegang lesen dilarang mengambil pekerja dan pengurut yang diketahuinya atau dipercayainya ia adalah seorang pelacur dan berkelakuan buruk.
21. Lain-lain sekatan dan syarat yang dikemukakan oleh Majlis Daerah Batu Gajah dari masa ke semasa.

B. Syarat-syarat Am.

1. **Nombor lesen iklan** hendaklah ditulis pada bahagian sebelah kanan papan iklan.
2. **Tandas** hendaklah sentiasa bersih dan sabun yang mencukupi setiap masa.
3. Mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang baik dan mencukupi setiap masa.
4. Pemegang lesen hendaklah membayar sejumlah **wang deposit** yang ditetapkan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah sebagai jaminan memastikan Undang-Undang Kecil ini dan syarat-syarat lesen dipatuhi.
5. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah keselamatan dan kebersihan premis seperti berikut:-
 - 5.1 Ruang urut, tandas, bilik air, kain cadar, lantai, ruang tamu, dan keseluruhan pekerja hendaklah diselenggara dengan baik dan sentiasa dalam keadaan bersih.
 - 5.2 Menyediakan **tong sampah** yang secukupnya berserta dengan karung plastik.
 - 5.3 **Kelengkapan cegah kebakaran** seperti alat pemadam api hendaklah disediakan dengan secukupnya dan dipasang di tempat yang mudah dilihat.
 - 5.4 Semua laluan, tangga, jalan keluar dan masuk hendaklah bebas dari sebarang halangan.

ARAHAN :-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**